

Maklumat COVID-19 untuk Komuniti LGBTIQ+ Berbilang Budaya

Adakah saya akan mendapat kesan sampingan selepas divaksin?

- > Anda **mungkin mengalami kesan** sampingan selepas dos pertama, dos kedua atau kedua-dua dos vaksin COVID-19
- > Kesan sampingan yang biasa dan dijangka berlaku termasuk sakit di tempat suntikan; keletihan; sakit otot; pening kepala; demam dan menggigil; dan sakit sendi
- > **Kesan sampingan biasanya ringan** dan berlarutan selama satu atau dua hari

Adakah terdapat kesan sampingan yang lebih serius?

- > Terdapat **kebarangkalian yang sangat rendah** bahawa anda mungkin mengalami kesan sampingan yang lebih serius
- > Anda boleh menyemak **maklumat laman web Kerajaan Victoria tentang kesan sampingan yang lebih serius** atau berbincang dengan doktor anda untuk mengetahui lebih lanjut



Bagaimana jika saya jatuh sakit selepas divaksin?

Jika anda jatuh sakit atau berasa tidak sihat selepas divaksin, anda perlu berjumpa doktor anda atau penyedia perkhidmatan kesihatan secepat mungkin. Jika anda tidak dapat berjumpa doktor anda, anda perlu menghubungi:

- > **Jururawat Bertugas** di **1300 60 60 24**
- > **Talian Utama Koronavirus Nasional** di **1800 020 080**
- > Hubungi **000** jika anda mengalami kesukaran bernafas atau degupan jantung yang laju, berdehrit, sakit yang teruk atau berasa sangat lemah

Talian ini boleh dihubungi 24 jam sehari.

Kerajaan Australia sedang membangunkan **skim tuntutan** untuk mereka yang mengalami kesan sederhana hingga teruk akibat reaksi yang kuat terhadap vaksin COVID-19.



Bolehkah saya masih menyebarkan atau mendapat COVID-19 selepas divaksin?

Selepas anda mendapat vaksin penuh COVID-19:

- Anda **kurang berkemungkinan** untuk dijangkiti COVID-19
- Anda **kurang berkemungkinan menyebarkan** COVID-19 kepada orang lain
- Anda **kurang berkemungkinan mengalami sakit yang serius** jika dijangkiti COVID-19

Anda masih berkemungkinan dijangkiti virus dan menyebarkannya, jika anda telah divaksin. Untuk menjaga keselamatan diri anda dan orang lain:

- Anda masih perlu **mengamalkan tingkah laku COVID yang selamat** (termasuk memakai pelitup muka yang sesuai)
- Anda masih perlu **mematuhi sekatan semasa**



Bagaimana cara saya membuktikan bahawa saya telah mendapat suntikan vaksin COVID-19?

Sebaik sahaja anda divaksin sepenuhnya, **sijil digital COVID-19** dibuat secara automatik untuk anda.

Terdapat tiga cara untuk mendapatkan sijil anda:



- Sekiranya anda mempunyai Medicare, anda boleh mendapatkan sijil anda melalui **aplikasi Express Plus Medicare** atau **myGov**

- Sekiranya anda tidak mempunyai Medicare tetapi mempunyai Individual Healthcare Identifier, anda boleh **meminta sijil dalam talian** melalui myGov

- Sekiranya anda tidak mempunyai Medicare atau IHI, anda boleh **menghubungi Australian Immunisation Register** untuk mendapatkan sijil kertas



Anda boleh **memasukkan sijil digital COVID-19** anda pada apl Service Victoria atau **menunjukkan salinan sijil kertas**.

Anda juga kini boleh mendapatkan **Sijil Vaksinasi COVID-19 Antarabangsa** untuk membantu membuktikan bahawa anda telah divaksin sepenuhnya apabila melancong ke luar negara.



cfre.org.au/lgbtiq-covid